



13 Jun 2016
13 June 2016
P.U. (A) 164

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN)
(NO. 2) 2016

STAMP DUTY (EXEMPTION) (NO. 2) ORDER 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 2) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [Akta 378], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 2) 2016.**

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 13 Jun 2008.

Aktiviti yang layak

2. (1) Aktiviti yang layak yang disebut dalam Perintah ini ialah aktiviti yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual berhubung dengan sektor yang dinyatakan dalam ruang (2) yang—

(a) dijalankan dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur; dan

(b) diluluskan oleh Menteri.

(2) Bagi maksud perenggan ini, "Wilayah Ekonomi Pantai Timur" mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur 2008 [Akta 688].

Pengecualian

3. (1) Apa-apa surat cara yang dikenakan duti *ad valorem* bagi pindah milik hartanah atau pajakan tanah atau bangunan, yang digunakan bagi maksud menjalankan suatu aktiviti yang layak dikecualikan daripada duti setem.

(2) Pengecualian di bawah subperenggan (1) hendaklah terpakai bagi surat cara yang disebut dalam subperenggan itu yang disempurnakan pada atau selepas 13 Jun 2008 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2020.

(3) Bagi maksud pengecualian di bawah subperenggan (1), orang yang bertanggungan untuk membayar duti setem mengikut seksyen 33 Akta hendaklah mengemukakan suatu surat daripada Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur yang mengesahkan bahawa surat cara yang disebut dalam subperenggan (1) adalah bagi maksud menjalankan aktiviti yang layak.

(4) Bagi maksud subperenggan (3), "Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur" ertinya majlis yang ditubuhkan di bawah Akta Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur 2008.

JADUAL

(1) No.	(2) Sektor	(3) Aktiviti yang layak
1.	Pertanian	<ul style="list-style-type: none"> (a) Penanaman kenaf, sayur-sayuran, buah-buahan, herba, rempah atau koko (b) Perladangan tanaman untuk penjanaan tenaga (c) Penanaman <i>hevea brasiliensis</i> (d) Florikultur termasuk bunga hiasan (e) Akuakultur (f) Perikanan pedalaman atau perikanan laut dalam (g) Penternakan lembu, kerbau, kambing, biri-biri, burung unta, ayam belanda atau burung puyuh
2.	Perkhidmatan berkaitan pertanian	<ul style="list-style-type: none"> (a) Pengumpulan, pemprosesan dan pembungkusan hasil pertanian (b) Pengumpulan dan pemasaran hasil pertanian
3.	Maklumat, komunikasi dan teknologi	Perkhidmatan dan pembangunan maklumat, komunikasi dan teknologi

(1) No.	(2) Sektor	(3) Aktiviti yang layak
4.	Pendidikan dan latihan	Penubuhan universiti, kolej, institut latihan kemahiran, pusat latihan, pusat perkhidmatan atau institusi pembangunan dan penyelidikan
5.	Perkilangan	(a) Produk perkilangan terpilih (b) Produk asas tani terpilih
6.	Minyak, gas dan petrokimia	Aktiviti terpilih yang berhubungan dengan produk minyak, gas atau petrokimia
7.	Perkhidmatan berkaitan perkilangan	Perkhidmatan berkaitan perkilangan terpilih
8.	Hotel	Operasi hotel
9.	Pelancongan	(a) Eko-pelancongan (b) Warisan budaya bandar (c) Pelancongan pulau (d) Pelancongan pantai tanah besar (e) Pelancongan rentas sempadan (f) Resort integrasi (g) Taman tema atau taman hiburan (h) Pusat kebudayaan, persidangan dan pameran (i) Pelancongan kesihatan
10.	Kebudayaan dan warisan	(a) Pembuatan batik, songket atau tenun diraja (b) Pembuatan barang-barang tembaga atau perak (c) Pembuatan layang-layang tradisional (d) Pengukiran kayu (e) Projek seni dan kraf terpilih termasuk kerja membuat cetakan (kecuali fotografi) atau memahat